



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KETAHANAN MENTAL DAN PERSONALITI DIRI SEBAGAI PERAMAL KESIHATAN MENTAL DALAM KALANGAN PEGAWAI KADET PALAPES



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

IBRAHIM KHALIL BIN ABD HALIM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KETAHANAN MENTAL DAN PERSONALITI DIRI SEBAGAI PERAMAL
KESIHATAN MENTAL DALAM KALANGAN PEGAWAI KADET PALAPES**

IBRAHIM KHALIL BIN ABD HALIM

**LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA KAUNSELING
(KESIHATAN MENTAL KLINIKAL)
(MOD KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja
Kursus Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada⁴..... (hari bulan).....³..... (bulan) 20²⁶.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, Ibrahim Khalil bin Abd Halim, M20232002492, Fakulti Pembangunan Manusia (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Ketahanan Mental dan Personaliti Diri Sebagai Peramal Kesihatan Mental Dalam Kalangan Pegawai Kadet PALAPES

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Prof Madya Dr. Fauziah Mohd Sa'ad (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Ketahanan Mental dan Personaliti Diri Sebagai Peramal Kesihatan Mental Dalam Kalangan Pegawai Kadet PALAPES

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Kaunseling (Kesihatan Mental Klinikal) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

4 | 3 | 26
Tarikh


Tandatangan Penyelia
Prof. Madya Dr. Fauziah Mohd Sa'ad
Pensyarah Kanan
Jabatan Bimbingan dan Kaunseling
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak.



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KETAHANAN MENTAL DAN PERSONALITI DIRI SEBAGAI PERAMAL
KESIHATAN MENTAL DALAM KALANGAN PEGAWAI KADET PALAPES

No. Matrik / Matric's No.: M20232002492

Saya / I: IBRAHIM KHALIL B/M ABD HALIM
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done

☒

TIKAP TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar / Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Name of Supervisor / Name & Official Stamp)

Tarikh: 4/3/26

Prof. Madya Dr. Fauziah Mohd Saad
Pensyarah Kanan
Jabatan Bimbingan dan Kaunseling
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35000 Tanjung Malim, Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat dari badan organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kajian ini dapat disempurnakan dengan baik. Penghargaan yang tulus dirakamkan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan, bimbingan dan kerjasama sepanjang proses kajian ini dijalankan. Sekalung terima kasih diucapkan kepada para Pegawai Kadet PALAPES yang sudi menjadi responden serta berkongsi maklumat dan pengalaman yang amat bermakna bagi menjayakan kajian ini. Penghargaan yang mendalam turut ditujukan kepada penyelia dan para pensyarah yang telah memberikan tunjuk ajar, nasihat ilmiah serta panduan berterusan sehingga kajian ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan sistematik. Tidak dilupakan, setinggi penghargaan kepada ahli keluarga dan rakan-rakan yang sentiasa memberikan sokongan moral, doa serta dorongan yang berterusan yang menjadi sumber kekuatan sepanjang tempoh kajian ini. Sesungguhnya, sumbangan, jasa dan keprihatinan semua pihak amat dihargai dan menjadi pemangkin utama kepada kejayaan penghasilan kajian ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti peranan ketahanan mental dan personaliti diri sebagai peramal kesihatan mental dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES tahun ketiga di universiti awam Malaysia. Kajian keratan lintang berbentuk kuantitatif ini melibatkan 268 responden yang dipilih melalui pensampelan bertujuan. Instrumen yang digunakan ialah *Mental Toughness Index-8* (MTI-8), *Mini-International Personality Item Pool* (Mini-IPIP) dan *Depression Anxiety Stress Scale-21* (DASS-21). Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif, korelasi Pearson dan regresi berganda hierarki pada aras signifikan $p < 0.05$. Dapatan menunjukkan ketahanan mental mempunyai hubungan negatif yang signifikan dan sederhana dengan kesihatan mental ($r = -0.360$, $p < 0.001$). Dimensi Neurotisme menunjukkan korelasi positif yang signifikan dan kuat dengan simptom kemurungan, kebimbangan dan stres ($r = 0.510$, $p < 0.001$), manakala dimensi Kesedaran menunjukkan hubungan negatif yang signifikan dan sederhana dengan kesihatan mental ($r = -0.401$, $p < 0.001$). Analisis regresi berganda menunjukkan bahawa lima dimensi personaliti secara bersama menerangkan 33.2% varians kesihatan mental ($R^2 = 0.332$), manakala analisis regresi hierarki mendapati penambahan personaliti ke atas model ketahanan mental meningkatkan varians yang diterangkan kepada 34.8% ($R^2 = 0.348$, $p < 0.001$). Neurotisme dikenal pasti sebagai peramal risiko paling dominan, diikuti Kesedaran dan ketahanan mental sebagai faktor pelindung yang signifikan. Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa ketahanan mental dan personaliti diri merupakan konstruk psikologi yang penting dalam meramal kesejahteraan mental Pegawai Kadet. Dari sudut teori, dapatan ini memperkukuh kerangka personaliti *Big Five* dan konsep ketahanan mental sebagai faktor risiko dan faktor pelindung yang relevan dalam konteks ketenteraan. Dari sudut praktikal, kajian ini mencadangkan keperluan pelaksanaan saringan awal profil psikologi berisiko, pengukuhan modul latihan berasaskan ketahanan mental serta pembangunan intervensi psikologi pencegahan dan sokongan psikososial yang lebih sistematik dalam program PALAPES bagi memperkukuh daya tahan emosi, kesiapsiagaan kepimpinan dan kesejahteraan mental jangka panjang Pegawai Kadet.

Kata kunci: Ketahanan mental, personaliti diri, kesihatan mental, *Big Five*, PALAPES, Pegawai Kadet, kesejahteraan psikologi





ABSTRACT

This study aims to identify the role of mental toughness and personality as predictors of mental health among third-year PALAPES Cadet Officers in Malaysian public universities. This quantitative cross-sectional study involved 268 respondents selected through purposive sampling. The instruments used were Mental Toughness Index-8 (MTI-8), Mini-International Personality Item Pool (Mini-IPIP) and Depression Anxiety Stress Scale-21 (DASS-21). Data were analyzed using descriptive statistics, Pearson correlation and hierarchical multiple regression at a significant level of $p < 0.05$. The findings showed that mental toughness had a significant negative and moderate relationship with mental health ($r = -0.360$, $p < 0.001$). The Neuroticism dimension demonstrated a significant positive and strong correlation with symptoms of depression, anxiety and stress ($r = 0.510$, $p < 0.001$), while the Conscientiousness dimension showed a significant negative and moderate relationship with mental health ($r = -0.401$, $p < 0.001$). Multiple regression analysis indicated that the five personality dimensions together explained 33.2% of the variance in mental health ($R^2 = 0.332$) and hierarchical multiple regression showed that adding personality traits to mental toughness increased the explained variance to 34.8% ($R^2 = 0.348$, $p < 0.001$). Neuroticism emerged as the strongest risk predictor whereas Conscientiousness and mental toughness functioned as significant protective factors. Overall, this study demonstrates that mental toughness and personality traits are significant psychological constructs in predicting the mental well-being of Officer Cadets. From a theoretical perspective, the findings reinforce the Big Five personality framework and the concept of mental toughness as relevant risk and protective factors in the military context. From a practical perspective, the study suggests the need for early screening of high-risk psychological profiles, strengthening of mental toughness-based training modules and the development of more systematic preventive psychological interventions and psychosocial support within the PALAPES program to enhance the emotional resilience, leadership readiness and long-term mental well-being of Officer Cadets.

Keywords: Mental Toughness, Personality Traits, Mental Health, Big Five, PALAPES, Officer Cadets, Psychological Well-being





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 PENGENALAN	



1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Tujuan Kajian	8
1.5	Objektif Kajian	9
1.6	Persoalan Kajian	10
1.7	Hipotesis Kajian	11
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	12
1.9	Batasan Kajian	14
1.10	Kepentingan Kajian	15
1.11	Definisi Operasional	16
1.11.1	Ketahanan Mental	16
1.11.2	Personaliti Diri	16
1.11.3	Kesihatan Mental	17
1.12	Rumusan	17





BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	19
2.2	Pendekatan Teoretikal	20
2.2.1	Model Ketahanan Mental 4C	21
2.2.2	Teori <i>Big Five Personality Traits</i>	22
2.2.3	Teori <i>Hardiness</i>	22
2.2.4	Model Transaksional Stres dan Daya Tindak	23
2.2.5	Model Keperibadian dan Kesihatan Mental	24
2.2.6	Sintesis dan Aplikasi Teori dalam Kajian	24
2.3	Kajian-Kajian Terdahulu	25
2.3.1	Ketahanan Mental dan Kesihatan Mental	25
2.3.2	Personaliti Diri dan Kesihatan Mental	27
2.3.3	Kajian Berkaitan Populasi Beruniform	29
2.4	Rumusan	31

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	33
3.2	Reka Bentuk Kajian	34
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	36
3.3.1	Populasi Kajian	36
3.3.2	Teknik Pensampelan	37
3.3.3	Saiz Sampel	38
3.3.4	Kriteria Pemilihan Sampel	39
3.4	Instrumen Kajian	40
3.4.1	<i>Mental Toughness Index-8 (MTI-8)</i>	41
3.4.2	<i>International Personality Item Pool (Mini-IPIP)</i>	42
3.4.3	<i>Depression Anxiety Stress Scale-21 (DASS-21)</i>	43
3.5	Kajian Rintis	43
3.5.1	Objektif Kajian Rintis	44
3.5.2	Sampel Kajian Rintis	44
3.5.3	Kriteria Kebolehpercayaan Instrumen	45
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	46



3.7	Kaedah Analisis Data	47
3.7.1	Analisis Data Awal	48
3.7.2	Analisis Deskriptif	48
3.7.3	Analisis Korelasi	49
3.7.4	Analisis Regresi Berganda	49
3.8	Rumusan	50

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	51
4.2	Kajian Rintis	52
4.2.1	Profil Responden Kajian Rintis	52
4.2.2	Kebolehpercayaan Inventori Kajian	53
4.3	Profil Demografi Responden Kajian	55
4.4	Analisis Deskriptif Tahap Pemboleh Ubah	59
4.4.1	Tahap Ketahanan Mental	59
4.4.2	Tahap Personaliti Diri	62
4.4.2.1	Ekstroversi	63
4.4.2.2	Kesetujuan	64
4.4.2.3	Kesedaran	64
4.4.2.4	Neurotisme	65
4.4.2.5	Keterbukaan	65
4.4.3	Tahap Kesihatan Mental	66
4.5	Ujian Andaian Statistik	70
4.5.1	Ujian Normaliti	71
4.5.2	Implikasi Ujian Normaliti	73
4.6	Dapatan Kajian Mengikut Hipotesis	73
4.6.1	Hipotesis 1: Hubungan Ketahanan Mental Dengan Kesihatan Mental	74
4.6.2	Hipotesis 2: Hubungan Personaliti Diri dengan Kesihatan Mental	77
4.6.3	Hipotesis 3: Pengaruh Personaliti terhadap Kesihatan Mental	79
4.6.4	Hipotesis 4: Sumbangan Ketahanan Mental dan Personaliti Sebagai Peramal Kesihatan Mental	81
4.7	Rumusan	83

**BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pendahuluan	85
5.2	Ringkasan Kajian	86
5.3	Tahap Ketahanan Mental, Personaliti Diri dan Kesihatan Mental	87
5.3.1	Tahap Ketahanan Mental	88
5.3.2	Tahap Personaliti Diri	89
5.3.3	Tahap Kesihatan Mental	91
5.4	Perbincangan Dapatan Kajian Berdasarkan Objektif Kajian	92
5.4.1	Hubungan Antara Ketahanan Mental Dengan Kesihatan Mental	92
5.4.2	Hubungan antara Personaliti Diri dengan Kesihatan Mental	94
5.4.3	Pengaruh Setiap Dimensi Personaliti Dalam Mempengaruhi Kesihatan Mental Pegawai Kadet	96
5.4.4	Sumbangan Ketahanan Mental dan Personaliti Diri Sebagai Peramal Bersama Kesihatan Mental	98
5.5	Implikasi Kajian	99
5.5.1	Implikasi Teori	100
5.5.2	Implikasi Praktikal / Intervensi	101
5.5.3	Implikasi Polisi dan Pengurusan	102
5.6	Limitasi Kajian	103
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	105
5.8	Kesimpulan	106

RUJUKAN	109
----------------	-----

LAMPIRAN A	A1
-------------------	----





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Pecahan Sampel Mengikut Universiti	39
4.1 Taburan Responden Kajian Rintis Mengikut Universiti dan Jantina	52
4.2 Ringkasan Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	53
4.3 Taburan Responden Mengikut Kategori Demografi	56
4.4 Julat Skor Tahap Ketahanan Mental	59
4.5 Statistik Deskriptif Ketahanan Mental	60
4.6 Taburan Tahap Ketahanan Mental	60
4.7 Julat Skor Tahap Personaliti Diri	62
4.8 Statistik Deskriptif Dimensi Personaliti	62
4.9 Taburan Tahap Dominan Setiap Dimensi Personaliti	63
4.10 Tahap Keterukan Bagi Setiap Subskala DASS-21	66
4.11 Statistik Deskriptif Kesihatan Mental (DASS-21)	66
4.12 Taburan Tahap Kemurungan	67
4.13 Taburan Tahap Kebimbangan	67
4.14 Taburan Tahap Stres	68
4.15 Ujian Normaliti (<i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>) Bagi Semua Pemboleh Ubah	71
4.16 Korelasi Pearson antara Ketahanan Mental dengan Kesihatan Mental (DASS-21)	74
4.17 Korelasi Pearson antara Dimensi Personaliti dengan Kesihatan Mental	77





4.18	Ringkasan Model Regresi Berganda – Personaliti terhadap Kesihatan Mental	79
4.19	ANOVA Regresi – Personaliti terhadap Kesihatan Mental	80
4.20	Pekali Regresi Berganda – Personaliti terhadap Kesihatan Mental	80
4.21	Ringkasan Model Regresi Hierarki – Ketahanan Mental dan Personaliti terhadap Kesihatan Mental	82
4.22	Pekali Regresi Model 2 Regresi Hierarki	82





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	14
2.1	Model Ketahanan Mental 4C	21





SENARAI SINGKATAN

4C	<i>Control, Commitment, Challenge and Confidence</i>
ATD	Akademi Tentera Darat
COVID-19	<i>Coronavirus Disease 2019</i>
CSV	<i>Comma-Separated Values</i>
DASS-21	<i>Depression Anxiety Stress Scale-21</i>
H ₀	Hipotesis Nol
H _a	Hipotesis Alternatif
IBM	<i>International Business Machines Corporation</i>
IPIP	<i>International Personality Item Pool</i>
KEMENTAH	Kementerian Pertahanan Malaysia
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
Mini-IPIP	<i>Mini International Personality Item Pool</i>
MTI-8	<i>Mental Toughness Index-8</i>
PALAPES	Pasukan Latihan Pegawai Simpanan
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
MPLDTD	Markas Pemerintahan Latihan dan Doktrin Tentera Darat
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPNM	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UniMAP	Universiti Malaysia Perlis
USM	Universiti Sains Malaysia
WHO	<i>World Health Organization</i>





SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik *Mental Toughness Index-8 (MTI-8)*, *Mini International Personality Item Pool (Mini-IPIP)* dan *Depression Anxiety Stress Scale-21 (DASS-21)*





BAB 1

PENGENALAN



Kesihatan mental dalam kalangan pelajar universiti kini menjadi isu global yang serius kerana ia memberi kesan langsung terhadap kesejahteraan diri, pencapaian akademik dan kualiti hidup jangka panjang. Menurut laporan *World Health Organization* (2022), lebih 970 juta individu di seluruh dunia hidup dengan gangguan mental di mana keresahan dan kemurungan dikenal pasti sebagai kategori paling dominan. Seiring dengan itu, dapatan meta-analisis terkini oleh Ahmed et al. (2023) menunjukkan hampir satu pertiga pelajar sarjana muda di seluruh dunia mengalami simptom kebimbangan yang signifikan dan menjelaskan bahawa mahasiswa sebagai kumpulan berisiko tinggi dalam isu kesihatan mental. Keadaan ini menjadi lebih kritikal sepanjang tempoh pandemik COVID-19 apabila peralihan mendadak kepada pembelajaran jarak jauh yang telah meningkatkan lagi prevalens masalah psikologi.





Meta-analisis oleh Xu dan Wang (2023) yang melibatkan 36 kajian dengan lebih 78,000 pelajar menunjukkan bahawa 58% mengalami simptom kebimbangan, 50% mengalami simptom kemurungan dan 71% melaporkan tahap stres yang tinggi. Ini menggambarkan bahawa lebih separuh populasi pelajar terkesan secara signifikan dalam tempoh pandemik COVID-19. Selain itu, kajian sistematik oleh Campbell et al. (2022) turut membuktikan bahawa tekanan akademik, beban kewangan, isolasi sosial dan gangguan tidur merupakan antara faktor yang menyumbang kepada beban kesihatan mental pelajar universiti.

Dalam konteks Malaysia, dapatan daripada tinjauan epidemiologi kebangsaan dan kajian universiti tempatan turut menunjukkan pola yang membimbangkan. Sebagai contoh, kajian oleh Wong et al. (2023) melaporkan bahawa 53.9% mahasiswa mengalami simptom kemurungan, 66.2% menunjukkan simptom kebimbangan dan 44.6% berada pada tahap stres sederhana hingga teruk semasa pandemik COVID-19. Angka ini jelas menunjukkan bahawa lebih separuh mahasiswa di Malaysia terdedah kepada isu kesihatan mental yang serius yang berpotensi menjejaskan tumpuan akademik, kesejahteraan emosi dan fungsi sosial mereka.

Namun begitu, berdasarkan kajian antarabangsa, termasuk tinjauan sistematik oleh Osborn et al. (2022), walaupun prevalens simptom berada pada kadar yang tinggi, kadar penggunaan perkhidmatan sokongan psikologi dalam kalangan pelajar universiti masih rendah dan tidak sepadan dengan keperluan sebenar yang menunjukkan suatu fenomena yang berkemungkinan turut berlaku dalam konteks Malaysia. Gambaran ini menegaskan bahawa masalah kesihatan mental mahasiswa bukan sekadar isu sementara, sebaliknya satu isu berterusan yang perlu diberi perhatian serius melalui kajian empirikal yang meneliti faktor penyumbang dan perlindungan dalam kalangan populasi pelajar tertentu di Malaysia.





1.2 Latar Belakang Kajian

Kesihatan mental telah menjadi salah satu isu kesejahteraan paling mendesak dalam kalangan pelajar universiti di seluruh dunia. Dengan pertumbuhan tekanan akademik yang pesat, perubahan sosial dan tuntutan persekitaran yang semakin kompleks, generasi muda hari ini menghadapi beban psikologi yang luar biasa. Di Malaysia, kajian menunjukkan bahawa lebih daripada 31% pelajar universiti mengalami kemurungan, 60% mengalami kebimbangan dan 26% mengalami stres pada tahap yang ketara (Mohd Azlan et al., 2024). Fenomena ini menggambarkan krisis kesihatan mental yang nyata di institusi pendidikan tinggi terutamanya dalam kalangan pelajar yang menghadapi tanggungjawab akademik dan harapan sosial yang tinggi. Kajian lain turut melaporkan prevalens yang lebih tinggi semasa pandemik COVID-19 dengan 53.9% pelajar mengalami kemurungan sederhana hingga teruk, 66.2% mengalami kebimbangan dan 44.6% mengalami stres (Wong et al., 2023).

Di dalam konteks yang lebih khusus, Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) menghadapi cabaran unik yang melampaui tekanan akademik biasa. PALAPES merupakan program latihan pegawai tentera simpanan yang dijalankan secara kerjasama antara Kementerian Pertahanan Malaysia (KEMENTAH) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di 19 universiti awam. Program ini direka untuk melahirkan pegawai simpanan yang berkualiti dan mempunyai sifat kepimpinan yang tinggi dalam kalangan pelajar serta membentuk warganegara yang sempurna, berdisiplin dan mempunyai ciri-ciri ketahanan nasional berdasarkan program latihan yang diberikan. Pegawai Kadet PALAPES akan melalui program ini selama tiga tahun mengikut silibus yang telah dibangunkan oleh Tentera Darat sebelum ditauliahkan sebagai Pegawai Simpanan oleh Yang DiPertuan Agong. Latihan yang dijalankan adalah mirip kepada latihan Kadet Angkatan





Tetap sebagaimana yang dilaksanakan di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Akademi Tentera Darat (ATD) (Jabatan Pendidikan Tinggi, 2020).

Walaupun Pegawai Kadet PALAPES sering dilihat sebagai individu yang kuat dari segi fizikal dan mental, penilaian mengenai kesihatan mental mereka menunjukkan realiti yang lebih kompleks. Dalam kalangan Pegawai Kadet, terdapat sebilangan besar yang mengalami isu kesihatan mental yang tidak didedahkan secara terbuka dan cenderung mendiamkan diri. Kajian sistematik menunjukkan bahawa kira-kira 60% anggota tentera yang mengalami masalah kesihatan mental tidak mendapatkan bantuan profesional dengan stigma dilaporkan sebagai penghalang utama untuk mendapatkan rawatan (Sharp et al., 2015). Dalam konteks Malaysia, stigma awam dan stigma sendiri secara signifikan mempengaruhi sikap negatif terhadap pencarian bantuan profesional dalam kalangan pelajar universiti di mana kebanyakan pelajar yang mengalami masalah kesihatan mental memilih untuk mendiamkan diri kerana takut kepada penilaian masyarakat dan kehilangan maruah (Muda & Ahmad Raphaie, 2025).

Masalah ini dapat dilihat melalui pencapaian akademik yang menurun atau prestasi latihan yang sekadar cukup untuk lulus, sedangkan dalam keadaan normal mereka mampu mencapai prestasi yang lebih tinggi. Fenomena “senyap tersembunyi” ini menunjukkan bahawa kebanyakan Pegawai Kadet mengalami kemurungan, kebimbangan dan stres namun tidak mendapatkan sokongan profesional yang diperlukan disebabkan oleh budaya ketenteraan yang menekankan kekuatan dan ketahanan serta kebimbangan terhadap akibat negatif kepada kerjaya mereka (Karamanoli, 2025).





Memahami faktor-faktor yang mempengaruhi kesihatan mental dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES memberi implikasi yang mendalam yang bukan sekadar untuk bidang akademik tetapi juga untuk pembangunan kepimpinan negara. Pegawai Kadet yang mempunyai kesihatan mental yang baik berpotensi menjadi pemimpin yang lebih efektif, adaptif dan berdaya tahan dalam menghadapi tekanan dalam pelbagai bidang kerjaya mereka sama ada dalam tentera atau sektor awam dan swasta lain. Oleh itu, kajian mengenai faktor-faktor peramal kesihatan mental dalam populasi ini adalah suatu yang penting.

Ketahanan mental dan ciri-ciri personaliti individu telah dikenalpasti dalam literatur sebagai faktor protektif yang signifikan terhadap gangguan kesihatan mental. *Model Diathesis-Stress* yang dikemukakan pertama kali pada tahun 1960-an menjelaskan bahawa gangguan psikologi timbul daripada interaksi antara kerentanan bawaan (*diathesis*) dan pendedahan kepada pencetus stres (*stressors*) (Ungvarsky, 2024). Dalam konteks ini, ketahanan mental berfungsi sebagai faktor pelindung yang membantu individu menghadapi tekanan dengan lebih berkesan, mengurangkan kesan negatif stres terhadap kesihatan mental dan mempromosikan fungsi yang lebih sihat walaupun dalam persekitaran yang penuh tekanan (Schäfer et al., 2024).

Kajian sistematik oleh Fang et al. (2024) menunjukkan bahawa aset dalaman seperti regulasi emosi dan sumber luaran seperti sokongan sosial berkait dengan pengurangan stres akademik yang seterusnya menyumbang kepada peningkatan kesihatan mental pelajar. Begitu juga ciri-ciri personaliti seperti yang diukur melalui Model Personaliti *Big Five* telah terbukti mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesihatan mental yang positif atau negatif (Yang et al., 2023). Secara khusus, neurotisisme menunjukkan korelasi positif yang kuat dengan kemurungan dan kebimbangan, manakala ekstroversi, kesetujuan dan kesedaran





diri menunjukkan korelasi negatif dengan simptom-simptom ini, berfungsi sebagai faktor pelindung terhadap gangguan kesihatan mental (Cai et al., 2024; Wu et al., 2024).

Kajian empirikal terdahulu menunjukkan bahawa dimensi neurotisme dalam Model *Big Five* berkorelasi positif dengan kemurungan, kebimbangan dan stres, manakala dimensi kesedaran, ekstroverti dan kesetiaan menunjukkan korelasi negatif dengan masalah kesihatan mental (Cai et al., 2024; Wu et al., 2024; Yang et al., 2023). Secara khusus, kajian meta-analisis menunjukkan neurotisme mempunyai korelasi positif yang kuat dengan kemurungan ($r = 0.47$) dan kebimbangan ($r = 0.45$), manakala kesedaran menunjukkan korelasi negatif dengan kedua-dua gangguan ini (Wu et al., 2024; Yang et al., 2023).

Sebaliknya, ketahanan mental yang tinggi dikaitkan dengan kemampuan individu untuk beradaptasi dengan perubahan, menyelesaikan masalah secara konstruktif dan mempertahankan emosi positif dalam situasi yang mencabar (Fang et al., 2024; Schäfer et al., 2024; Li et al., 2024). Kajian juga menunjukkan bahawa ketahanan mental berfungsi sebagai faktor pelindung yang dapat mengurangkan kesan negatif stres terhadap kesihatan mental melalui mekanisme regulasi emosi dan sokongan sosial (Fang et al., 2024; Li et al., 2024). Namun, walaupun banyak kajian mengenai ketahanan mental dan personaliti telah dilakukan dalam konteks pelajar universiti umum atau atlet, penyelidikan khusus yang mengkaji hubungan prediktif ketahanan mental dan personaliti terhadap kesihatan mental dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES masih terbatas.

Jurang pengetahuan ini menunjukkan bahawa perlunya satu kajian yang terperinci untuk memahami bagaimana ketahanan mental dan dimensi personaliti saling mempengaruhi dalam mengjangkakan kesihatan mental Pegawai Kadet PALAPES. Kajian





ini dijangkakan akan memberi hasil yang berharga terhadap mekanisme psikologi yang melindungi atau membahayakan kesihatan mental dalam populasi unik ini dan dapat membentuk dasar intervensi pencegahan yang lebih berkesan.

1.3 Pernyataan Masalah

Pegawai Kadet PALAPES berada pada peringkat perkembangan yang kompleks dan mencabar sepanjang pengajian mereka di universiti terutamanya apabila berada pada tahun ketiga. Selain memikul tanggungjawab akademik sebagai pelajar tahun akhir sepenuh masa, mereka turut terikat dengan komitmen latihan ketenteraan yang intensif dan berstruktur. Latihan ini merangkumi aktiviti fizikal yang mencabar, penguasaan ilmu ketenteraan yang kompleks dan pembangunan kompetensi kepimpinan yang mendalam. Walaupun program PALAPES dirancang untuk melahirkan pemimpin yang berdisiplin dan berdaya tahan, gabungan tuntutan akademik dan ketenteraan tersebut mewujudkan persekitaran tekanan yang ketara.

Masalah utama yang dikenal pasti ialah ketidakselarasan antara persepsi luaran terhadap Pegawai Kadet sebagai individu yang kuat, lasak dan berdaya tahan dengan realiti kesihatan mental mereka yang sering terjejas. Sebilangan Pegawai Kadet tahun ketiga menunjukkan simptom gangguan kesihatan mental seperti kemurungan, kebimbangan dan tekanan berlebihan, tetapi tidak didedahkan dan tidak mendapatkan bantuan profesional. Keengganan ini dipengaruhi oleh faktor seperti stigma sosial, norma budaya ketenteraan dan ketiadaan sistem sokongan psikologi yang mudah diakses. Natijahnya, prestasi akademik





dan kecekapan mereka dalam latihan menjadi terjejas walaupun mereka mempunyai potensi yang lebih tinggi.

Faktor pelindung seperti tahap ketahanan mental yang tinggi dan profil personaliti yang adaptif berpotensi membantu Pegawai Kadet menghadapi tekanan ini, namun aspek tersebut masih belum diterokai secara menyeluruh. Kajian terdahulu mengenai ketahanan mental banyak memfokuskan kepada populasi awam, atlet atau anggota tentera tetap, sedangkan Pegawai Kadet mempunyai cabaran unik di mana mereka perlu mengimbangi komitmen akademik dan latihan ketenteraan secara serentak. Selain itu, walaupun Model Personaliti *Big Five* terbukti berupaya membezakan individu berdasarkan kerentanan terhadap gangguan kesihatan mental, hubungan prediktif antara ciri-ciri personaliti dengan kesihatan mental dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES masih belum diperjelaskan.



Jurang pengetahuan ini menimbulkan cabaran dalam perancangan intervensi psikososial yang lebih berkesan dan bersasar. Pihak universiti, PALAPES dan penyedia perkhidmatan kesihatan mental memerlukan pemahaman yang lebih mendalam mengenai profil psikologi Pegawai Kadet bagi mengenal pasti individu berisiko tinggi dan menyediakan sokongan yang sesuai. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengisi jurang tersebut melalui satu kajian kuantitatif yang sistematik.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meneroka dan menganalisis peranan ketahanan mental dan ciri personaliti sebagai peramal kesejahteraan mental dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES





di universiti awam Malaysia. Secara khusus, kajian ini bertujuan menilai secara empirikal bagaimana tahap ketahanan mental dan dimensi personaliti mempengaruhi kesihatan mental seperti kemurungan, kebimbangan dan stres dalam kalangan Pegawai Kadet tahun ketiga yang sedang melalui tuntutan akademik dan ketenteraan yang semakin mencabar.

Selain itu, kajian ini juga bertujuan memperkukuh asas saintifik dalam bidang kaunseling kesihatan mental dan psikologi ketenteraan universiti dengan menyediakan bukti empirikal yang komprehensif mengenai faktor-faktor psikologikal pelindung yang dapat membantu mengurangkan risiko tekanan mental serta meningkatkan daya tahan diri Pegawai Kadet PALAPES. Dengan memahami secara lebih mendalam hubungan antara ketahanan mental, ciri personaliti dan kesejahteraan mental, dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan bermakna kepada pembangunan modul intervensi ketahanan (*resilience*) dan strategi sokongan psikososial yang lebih bersasar, berkesan dan memenuhi keperluan sebenar Pegawai Kadet.

1.5 Objektif Kajian

- a. Untuk menilai hubungan antara ketahanan mental dengan kesihatan mental dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES.
- b. Untuk menilai hubungan antara personaliti diri dengan kesihatan mental dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES.
- c. Untuk menganalisis pengaruh dimensi personaliti dalam model *Big Five Personality Traits* terhadap kesihatan mental dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES.





- d. Untuk meneliti sumbangan ketahanan mental dan personaliti diri secara bersama sebagai peramal kesihatan mental dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES.

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif yang telah digariskan, persoalan kajian ini dibentuk bagi meneroka hubungan antara ketahanan mental, personaliti diri dan kesihatan mental dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES di universiti awam Malaysia. Persoalan kajian adalah seperti berikut:



kesihatan mental dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES?

- b. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti diri dengan kesihatan mental dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES?
- c. Adakah dimensi personaliti dalam model *Big Five Personality Traits* mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesihatan mental Pegawai Kadet PALAPES?
- d. Adakah ketahanan mental dan personaliti diri secara bersama menyumbang secara signifikan sebagai peramal kesihatan mental dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES?





1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini dirumus berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang telah digariskan bagi menilai hubungan dan sumbangan pemboleh ubah ketahanan mental dan personaliti diri terhadap kesihatan mental dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES.

a. Hipotesis 1

- i. H_01 : Tiada hubungan yang signifikan antara ketahanan mental dengan kesihatan mental dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES.
- ii. H_{a1} : Terdapat hubungan yang signifikan antara ketahanan mental dengan kesihatan mental dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES.



b. Hipotesis 2

- i. H_02 : Tiada hubungan yang signifikan antara personaliti diri dengan kesihatan mental dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES.
- ii. H_{a2} : Terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti diri dengan kesihatan mental dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES.

c. Hipotesis 3

- i. H_03 : Dimensi personaliti dalam Model Personaliti *Big Five* tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesihatan mental Pegawai Kadet PALAPES.
- ii. H_{a3} : Dimensi personaliti dalam Model Personaliti *Big Five* mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesihatan mental Pegawai Kadet PALAPES.



d. Hipotesis 4

- i. H₀4: Ketahanan mental dan personaliti diri tidak secara signifikan sebagai penyumbang terhadap kesihatan mental dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES.
- ii. H_a4: Ketahanan mental dan personaliti diri secara signifikan sebagai penyumbang terhadap kesihatan mental dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini dibina berdasarkan sintesis teori dan dapatan kajian lepas

yang menjelaskan hubungan antara ketahanan mental, personaliti diri dan kesihatan mental dalam kalangan individu yang berhadapan dengan tekanan prestasi tinggi seperti pelajar universiti, atlet dan anggota pasukan beruniform. Kajian ini berasaskan kepada dua kerangka teori iaitu:

- a. Teori Ketahanan Mental (*Mental Toughness Theory*) oleh Clough dan Strycharczyk (2012) yang mengadaptasi model 4C iaitu *Control*, *Commitment*, *Challenge* dan *Confidence*. Teori ini menegaskan bahawa individu yang mempunyai tahap ketahanan mental yang tinggi lebih berupaya mengawal tekanan, kekal komited terhadap matlamat, menerima cabaran sebagai peluang pembelajaran serta mengekalkan keyakinan diri walaupun berdepan kesukaran. Dalam konteks Pegawai Kadet PALAPES, ketahanan mental dijangka memainkan peranan penting sebagai faktor pelindung yang



membantu mereka mengekalkan kesejahteraan psikologi dalam menghadapi latihan ketenteraan dan akademik yang mencabar (Schäfer et al., 2024).

- b. Teori Personaliti Lima Faktor (*Big Five Personality Traits Model*) oleh Costa dan McCrae (1992) yang merangkumi lima dimensi utama personaliti iaitu *Openness to Experience*, *Conscientiousness*, *Extraversion*, *Agreeableness* dan *Neuroticism*. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa dimensi *Conscientiousness* dan *Extraversion* berkait dengan kesejahteraan psikologi yang lebih tinggi, manakala *Neuroticism* sering menjadi peramal utama kepada simptom kemurungan, kebimbangan dan stres (Cai et al., 2024; Wu et al., 2024). Oleh itu, personaliti diri dijangka mempengaruhi cara individu menilai dan mengurus tekanan dalam konteks kehidupan ketenteraan dan




Berdasarkan integrasi kedua-dua teori ini, dapat dirumuskan bahawa ketahanan mental dan personaliti diri berperanan sebagai pemboleh ubah bebas (*independent variables*) yang mempengaruhi kesihatan mental (*dependent variable*) dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES. Gabungan faktor psikologi ini dijangka menentukan tahap kesejahteraan emosi, kebolehan menyesuaikan diri dan kemampuan individu untuk berfungsi dengan berkesan dalam situasi tekanan tinggi.



Rajah 1.1

Kerangka Konseptual Kajian



Kajian ini mempunyai beberapa batasan yang perlu dipertimbangkan dalam mentafsir dapatan kajian. Dari segi populasi, kajian hanya melibatkan Pegawai Kadet PALAPES tahun ketiga daripada lima buah PALAPES universiti awam di Malaysia. Kajian ini juga dijalankan menggunakan reka bentuk keratan lintang yang menghadkan keupayaan pengkaji untuk menilai perubahan pemboleh ubah dari semasa ke semasa. Dari segi pengumpulan data, kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan bergantung kepada instrumen penilaian berasaskan laporan sendiri oleh responden yang terdedah kepada bias persepsi (*response bias*) atau bias sosial (*social desirability bias*) di mana responden mungkin memberikan jawapan yang dianggap sesuai secara sosial berbanding menggambarkan keadaan sebenar diri.



Dari sudut konteks, fokus kajian adalah terhadap Pegawai Kadet PALAPES yang menjadikan dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan secara menyeluruh kepada pelajar universiti atau anggota tentera yang lain walaupun mungkin relevan untuk populasi yang menghadapi tekanan akademik atau organisasi yang serupa. Selain itu, kajian ini turut terhad kepada tiga pemboleh ubah iaitu ketahanan mental, personaliti diri dan kesihatan mental tanpa mempertimbangkan faktor lain seperti sokongan sosial, kualiti hidup atau ciri demografi yang berpotensi mempengaruhi kesejahteraan mental. Batasan-batasan ini diakui bagi memastikan dapatan kajian ditafsirkan secara tepat dan memberi asas kepada kajian lanjutan yang lebih komprehensif pada masa hadapan.

1.10 Kepentingan Kajian



Kajian ini dijalankan dalam usaha memperkukuh pemahaman tentang faktor psikologi yang mempengaruhi kesejahteraan kesihatan mental dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES di universiti awam Malaysia. Ketahanan mental dan personaliti diri telah dikenal pasti sebagai dua konstruk psikologi yang memainkan peranan penting dalam menentukan keupayaan individu menghadapi tekanan akademik dan latihan ketenteraan. Oleh itu, hasil kajian ini dijangka dapat memberi sumbangan yang signifikan dari segi teori, praktikal dan polisi terhadap bidang pendidikan dan ketenteraan.





1.11 Definisi Operasional

Definisi operasional merujuk kepada cara konstruk-konstruk diukur secara spesifik dalam kajian ini menggunakan instrumen yang telah terbukti kesahan dan kebolehpercayaannya dalam kajian psikologi.

1.11.1 Ketahanan Mental

Ketahanan mental dalam kajian ini merujuk kepada skor yang diperolehi daripada *Mental Toughness Inventory* (MTI) yang membolehkan penilaian empat dimensi utama iaitu *Control* (pengawalan diri dan emosi), *Commitment* (komitmen terhadap matlamat), *Challenge* (kesediaan menerima cabaran sebagai peluang) dan *Confidence* (keyakinan pada kebolehan sendiri). Skor keseluruhan digunakan untuk menentukan tahap ketahanan mental individu. Definisi operasional ini selaras dengan takrif Clough et al. (2002) dan Gucciardi et al. (2015) yang menyatakan bahawa “ketahanan mental ialah sumber psikologi yang membolehkan seseorang mengawal tekanan, menetapkan tujuan dan mengekalkan prestasi walaupun dalam situasi mencabar” (Clough et al., 2002; Gucciardi et al., 2015).

1.11.2 Personaliti Diri

Personaliti diri diukur melalui skor daripada Mini-IPIP (*International Personality Item Pool Short Form*) iaitu set soal selidik 20 item yang menilai lima dimensi utama *Big Five Personality Traits* iaitu *Openness* (keterbukaan kepada pengalaman), *Conscientiousness*



(keprihatinan dan teratur), *Extraversion* (keaktifan sosial), *Agreeableness* (keserasian dengan orang lain) dan *Neuroticism* (kestabilan emosi). Setiap domain diperoleh daripada skor agregat empat item yang berkaitan dan dikelaskan mengikut tahap rendah, sederhana atau tinggi. Kesahan Mini-IPIP telah dibuktikan melalui kajian Donnellan et al. (2006) dan digunakan secara meluas dalam penyelidikan psikologi (Donnellan et al., 2006).

1.11.3 Kesihatan Mental

Kesihatan mental dalam kajian ini dinilai melalui skor *Depression Anxiety Stress Scale - 21* (DASS-21) iaitu alat pengukuran laporan sendiri 21 item yang menilai tahap simptom kemurungan, kebimbangan dan stres. Setiap subskala mengandungi tujuh item yang menilai keterukan simptom dalam tempoh seminggu terakhir. Skor bagi setiap domain digunakan untuk mengklasifikasikan tahap gejala kesihatan mental responden sama ada pada tahap rendah, sederhana atau tinggi. DASS-21 mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dan telah diiktiraf sebagai instrumen dalam penyelidikan psikologi serta klinikal (Henry & Crawford, 2005; Lin et al., 2017).

1.12 Rumusan

Bab ini menghuraikan asas kajian yang meneliti peranan ketahanan mental dan personaliti diri sebagai peramal kesihatan mental dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES. Permasalahan kesihatan mental dalam kalangan mahasiswa khususnya pelajar beruniform telah dikenalpasti sebagai isu yang serius dan memerlukan kajian mendalam. Justeru, kajian



ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap ketahanan mental, personaliti diri dan hubungannya dengan kesihatan mental bagi memahami faktor pelindung psikologi dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES. Selain itu, bab ini juga telah memperincikan latar belakang, pernyataan masalah, objektif, persoalan, hipotesis, kerangka konseptual, batasan dan kepentingan kajian serta definisi operasional kajian. Kesemua komponen ini menjadi asas kepada pelaksanaan kajian dan pembentukan analisis empirikal yang akan dijalankan.

